

TERMA DAN SYARAT JOM BUKA AKAUN SSPN

PROMOSI

1. **Promosi Jom Buka Akaun SSPN** diadakan bertujuan untuk menggalakkan warganegara Malaysia yang belum mempunyai akaun SSPN dan menjadikan **SSPN-i atau SSPN-i Plus** sebagai produk simpanan pilihan utama.
2. Promosi ini menawarkan **hadiah tablet berjenama** kepada pendeposit baharu dalam Tempoh Promosi.

TEMPOH PROMOSI

3. Tempoh Promosi adalah seperti berikut :-

Jenis Promosi	Tempoh Promosi
Cabutan Siri	Siri 1 (1 Julai 2020 – 31 Ogos 2020)
	Siri 2 (1 September 2020 – 31 Oktober 2020)
	Siri 3 (1 November 2020 – 31 Disember 2020)

4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda Tempoh Promosi ini sekiranya perlu tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.

KELAYAKAN

5. Terbuka kepada warganegara Malaysia.
6. **Akaun baharu SSPN perlu dibuka secara atas talian melalui www.lovespnp.com** atau ejen online PTPTN yang sah **tanpa ada penutupan** daripada mana-mana akaun di bawah pendeposit yang sama dalam Tempoh Promosi.
7. Kelayakan cabutan adalah berdasarkan kepada **bilangan akaun baharu yang dibuka** dengan simpanan minimum seperti berikut:

Produk	Simpanan Minimum
SSPN-i	RM30
SSPN-i Plus	RM30 (simpanan + takaful)

8. Tiada had untuk bilangan cabutan.

9. **Pendeposit perlu memastikan akaun kekal aktif sehingga tamat Tempoh Promosi.**
10. Promosi ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);
11. Sekiranya berlaku kematian pendeposit dalam Tempoh Promosi, akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat simpanan;

HADIAH DAN TUNTUTAN HADIAH

12. Pendeposit yang layak berpeluang memenangi hadiah berikut:

Hadiah	Bilangan Pemenang
Siri 1: HUAWEI MediaPad T5	50
Siri 2: HUAWEI MediaPad T5	50
Siri 3: HUAWEI MediaPad T5	50

13. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ e-mel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di portal rasmi PTPTN www.ptptn.gov.my;
14. Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar atau dipindah milik sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN;
15. PTPTN berhak secara mutlak untuk menukar atau menggantikan hadiah lain dengan nilai yang setara dengannya tanpa perlu memberi apa-apa notis pertukaran tersebut;
16. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan;
17. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan;
18. Hadiah perlu dituntut oleh pemenang dalam **tempoh DUA BELAS (12) bulan** dari tarikh cabutan. Pihak PTPTN tidak akan melayan sebarang tuntutan selepas tamat tempoh tersebut;
19. Sekiranya pemenang meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah dalam **tempoh DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh cabutan;

20. Pemenang atau warisnya adalah dianggap telah melepaskan hak mereka jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang telah ditetapkan;
21. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan tidak akan dilayan.

PERUNTUKAN UMUM

22. Sebagai pendeposit yang mempunyai akaun aktif, pendeposit dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan dan membenarkan butiran peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi untuk digunakan bagi tujuan promosi;
23. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam promosi ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya;
24. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan promosi ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan / atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana pendeposit. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan kempen ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana pendeposit untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut;
25. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya;
26. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati pendeposit tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan;
27. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam promosi ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN;

28. Penyertaan pendeposit dalam promosi ini adalah atas risiko pendeposit sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut;
29. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung promosi ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat;
30. PTPTN boleh menggunakan penyertaan pendeposit termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama pendeposit, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Pendeposit hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN;
31. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada pendeposit.

Maklumat dikemas kini pada 01 Julai 2020